

Reman dua pembunuh kucing dilanjut tiga hari

BERITA HARIAN 18/9/18 M/S 60

Gombak: Perintah tahanan reman dua suspek kes bunuh kucing bunting dalam mesin pengering sebuah kedai dobi layan diri di Taman Gombak Ria, di sini, disambung tiga hari hingga 20 September ini.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Samsor Maarof, berkata perintah tahanan reman terhadap dua suspek berkenaan dikeluarkan Mahkamah Majistret Gombak pagi semalam bagi meneruskan siasatan kes mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana menganiaya dan membunuh haiwan.

“Pihak polis membuat permohonan reman kedua untuk menyambung siasatan dan permohonan dibenarkan selama tiga hari bermula esok (hari ini) hingga 20 September,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Buru seorang lagi suspek

Dalam perkembangan kes sama, Samsor berkata, pihaknya kini masih berusaha memburu seorang lagi suspek yang masih bebas.

Kedua-dua suspek itu sebelum ini direman selama empat hari bagi membantu siasatan selepas ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Jumaat lalu di sekitar Gombak.

Khamis lalu, polis mendedahkan gambar tiga suspek berusia lingkungan 30 tahun hingga 40 tahun berkenaan yang dikehendaki kerana melakukan penganiayaan dan membunuh haiwan sebelum dua daripadanya dapat ditahan.

Dalam kejadian 12.30 tengah malam Selasa lalu, dua lelaki didapati melakukan kezaliman dengan membunuh seekor kucing bunting dengan meletakkannya dalam mesin pengering pakaian.

Perbuatan kejam dua lelaki berkenaan bagaimanapun dirakam oleh CCTV premis berkenaan dan viral di media sosial.

Bangkai haiwan itu ditemui seorang pelanggan lain pada jam 10.30 pagi apabila ingin menggunakan mesin pengering berkenaan.

Sebuah pertubuhan yang memperjuangkan nasib haiwan kemudian membuat laporan polis.



Pihak polis membuat permohonan reman kedua

untuk menyambung siasatan dan permohonan dibenarkan selama tiga hari bermula esok